

Newspaper	Berita Harian
Date	9/9/2011

# Rakyat mula terima kesan baik inisiatif ETP

84 peratus program dirancang kerajaan sudah dilaksana

Oleh Mohd Zin Ali  
dan Shahrizan Satian  
bhbiz@bhnews.com.my

**K**UALA LUMPUR: Sebanyak 84 peratus daripada inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sudah diumumkan kerajaan sedang dilaksanakan dengan kebanyakannya memberikan kesan positif kepada rakyat.

Sejak dilancarkan Oktober tahun lalu, 87 inisiatif diumumkan dengan 23 daripadanya siap beroperasi, 50 sudah bermula, manakala 14 lagi dalam peringkat kerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau gembira Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dilancarkan pada Januari lalu sudah mengubah kehidupan 237 pekedai di seluruh negara sehingga kini.

Beliau berkata, projek itu berjaya membantu memperkembangkan perniagaan dan memberi impak amat besar kepada pekedai kecil bagi menambah pendapatan kedai dan kebebasan kewangan.

"Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Perkhidmatan Perniagaan yang aspirasinya untuk menjadikan Malaysia pusat data bertaraf antarabangsa juga menunjukkan perkembangan positif dengan Pusat Data CSF di Putrajaya dijangka siap suku terakhir tahun ini dan dibuka secara rasmi pada 9 Januari depan.

"Perkongsian awam-swasta antara Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI), Infoculture Sdn Bhd dan Sime Darby melalui projek penanaman padi yang diumumkan Mac lalu menyaksikan 33 petani menerima pulangan lebih baik pada tuai pertama," katanya di sini, semalam.

Selain itu, Najib berkata, QAV



NAJIB bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed pada majlis mengumumkan laporan kemajuan ketujuh ETP di Kuala Lumpur, semalam.



Technologies Sdn Bhd yang melabur RM12 juta untuk membangunkan pusat pensijilan diod pemancar cahaya dan lampu pepejal di Pulau Pinang kini dalam proses pemasangan peralatan dan beroperasi menjelang akhir tahun ini.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala percaya semua projek ETP dirancang dapat dilaksanakan menjelang jadal.

"Berita baik ialah kedudukan daya saing negara bertambah baik dan berada di tempat ke-21 mengikut Laporan Daya Saing Global 2011," katanya.